

## Pengaruh Ilmu Qira'at dalam Pengajian Islam

Sabri Mohamad

Email: sabri\_m@ukm.edu.my

Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Ilmu qira'at adalah suatu ilmu yang sangat penting dan masyhur dalam pengajian Islam. Para ilmuwan dalam pelbagai disiplin ilmu Islam amat menyarankan agar ilmu qira'at perlu dikuasai sebaik mungkin kerana kedudukannya yang penting dalam senarai ilmu Islam. Bagi melestarikan dan mengekalkan kesinambungannya juga para ulama terus membicarakan, menyebarkan, menulis, mengkaji dan mempertahankannya melalui aktiviti-aktiviti penulisan dan penyebaran ilmu yang mewakili pelbagai kumpulan dan kelompok disiplin ilmu. Ulama yang berkecimpung dalam bidang ilmu ini atau mereka yang memuatkan bicara ilmu ini dalam karya-karya mereka, sentiasa berusaha untuk menyerlahkannya sebagai salah satu ilmu yang amat berperanan dan berpengaruh. Sejajar dengan kepentingan tersebut, artikel ini membicarakan pengaruh ilmu qira'at dalam beberapa ilmu pengajian Islam dengan menjadikan *qira'at 'asharah* dan juga *shadhdhah* sebagai tunjang perbincangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh qira'at yang dibicarakan oleh ulama secara langsung atau tidak, didapati dalam perspektif ilmu yang berbeza iaitu tafsir, akidah, fiqh, *rasm al-Quran*, bahasa Arab dan *i'jaz al-Quran*.

**Kata kunci:** *Qira'at 'asharah*, *qira'at shadhdhah*, tafsir, *i'jaz al-Quran*, *rasm al-Quran*

### Abstrak

The science of qira'at is a significant field in Islamic studies. Scholars from various field strongly emphasise on mastering this knowledge because of its importance. They continue to debate, to disseminate, to write and to preserve the knowledge through teaching and learning representing their field of knowledge, expertise and discipline. Scholars in this area in particular constantly address this science as an impactful knowledge in Islam. Focusing on *qira'at 'asharah* and *qira'at shadhdhah* as the core focus, this paper explores and analyses the influences of qira'at (variants reading of Quran) in Islamic studies. It concludes that the qira'at science is directly significant in the corpus of Islamic knowledge namely in Quran exegeses, theology, jurisprudence, *rasm al-Quran*, Arabic language and the study of the miracle of Quran (*i'jaz Qur'an*).

**Keywords:** *Qira'at 'asharah*, *qira'at shadhdhah*, tafsir, *i'jaz al-Quran*, *rasm al-Quran*

### 1. Pengenalan

Bicara tentang ilmu qira'at sering mendapat perhatian dan tempat di sisi para penuntut dan pengkajinya. Para ulama yang berkecimpung dalam bidang ini dahulu dan kini juga tidak pernah berhenti membicarakan kepentingan, kedudukan, peranan, pengaruh dan kesan pelbagai gaya bacaan qira'at terhadap ayat-ayat al-Quran itu sendiri dan juga terhadap pelbagai disiplin ilmu. Ahli tafsir, fiqh, bahasa dan lain-lain lagi masing-masing akan membicarakan peranan ilmu qira'at menurut kepakaran yang berbeza dalam pelbagai karya yang berbeza.

Sehubungan itu kertas ini akan membicarakan pengaruh *qira'at quraniyyah* dalam ilmu pengajian Islam dengan mengambil pendekatan tidak akan membahaskan semua ilmu tersebut, bahkan hanya memilih beberapa sahaja yang difikirkan boleh mewakili dan menyerlahkan pengaruh atau hubungan ilmu qira'at dalam pelbagai ilmu Islam. Contoh-contoh yang bakal diketengahkan nanti juga, adalah sekadar difikirkan boleh menjelaskan isu dan bicara peranan ilmu ini dengan lebih dekat. Adalah suatu kerja yang amat besar dan berat jika tajuk ini hendak dibincangkan dari semua sudut dan semua contohnya dihimpunkan dalam ruang yang terhad ini.

## 2. Pengenalan Ilmu Qira'at

Pentakrifan ilmu qira'at telah dikemukakan oleh banyak para sarjana Islam melalui pelbagai gaya takrifan dan pengenalan yang semuanya dikemukakan mengikut acuan masing-masing. Dr. Muhammad Salim Bazamul (1996) dalam tesis peringkat doktor falsafahnya telah menyenaraikan sebanyak sepuluh takrif ilmu qira'at yang dikemukakan oleh para sarjana Islam yang kemudiannya beliau melakukan sedikit kupasan dan komentar. Antara takrifan perkataan *qira'ah* (قراءة) dari sudut bahasa dan istilah:

a. Bahasa: Perkataan (القراءات) *jam'* (جمع) bagi perkataan (قراءة). Ianya merupakan kata nama terbitan (مصدر) kepada perkataan (قرأ). Dikatakan (بمعنى تلا فهو قارئ) (قرأ، يقرأ، قرآنًا، بمعنى تلا فهو قارئ), yang bermaksud: Dia telah membaca, sedang membaca, bacaan, yang dibaca, dengan makna membaca dan pembaca (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah 1985).

b. Istilah: antaranya menurut:

i. Imam Ibn al-Jazari (t.th): Qira'at ialah suatu ilmu tatacara mempraktikkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya yang disandarkan kepada pembawa-pembawanya.

ii. Menurut Imam al-Zarkashi (t.th) pula: Qira'at adalah perbezaan pada lafaz-lafaz wahyu pada penulisan huruf-huruf atau cara menyebutnya seperti nipis, tebal dan selainnya.

iii. Sheikh 'Abd al-Fattah al-Qadi (2004): Suatu ilmu yang diketahui dengannya tatacara pembacaan kalimah-kalimah al-Quran dan cara mempraktikkannya sama ada yang disepakati atau diperselisihkan yang setiap wajah bacaannya disandarkan kepada pembawanya.

Semua takrif yang dikemukakan di atas, adalah melalui kajian dan pengetahuan mendalam mereka terhadap ilmu qira'at. Idea-idea yang dikemukakan adalah untuk memudahkan para pembaca memahami maksud qira'at melalui perspektif mereka.

### 2.1 Qira'at shadhdhah

*Qira'at shadhdhah* dari sudut bahasa dan istilah: Kajian bahasa menjelaskan bahawa *shadh* dari sudut bahasa adalah asalan daripada (شذ، يشذ، شذوذا) bermaksud "dia telah bersendirinya, sedang bersendirinya, sendirian". شذ الرجل bermaksud: انفرد عن الجماعة و خالفهم iaitu: Dia telah berpisah daripada kelompok yang ramai dan bersalahan dengan mereka (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah 1985).

*Qira'at shadhdhah* menurut pengertian istilah ulama' qira'at pula ialah: Setiap qira'at yang gugur tiga rukun, iaitu *tawatur*, bertepatan dengan *rasm* Uthmani dan bertepatan dengan satu wajah bahasa Arab ataupun gugur salah satu daripada rukun-rukun tersebut. Justeru, qira'at yang gugur tiga rukun atau salah satu daripada rukun *qira'at mutawatirah* ianya dilabelkan dengan nama *qira'at shadhdhah*, tidak dibaca dan tidak dinamakan sebagai al-Quran (al-Sayuti t.th).

Amat jelas kepada kita bahawa jika ketiga-tiga pakej rukun qira'at yang dinyatakan di atas tidak terdapat pada mana-mana qira'at maka ianya digelar *shadh* dan jika sekiranya ianya lengkap dengan ketiga-tiga pakej tersebut maka ianya qira'at yang diterima dan ia adalah al-Quran.

## 3. Pengambilan dan Sumber Ilmu Qira'at Mutawatirah

Realitinya, *qira'at al-quraniyyah*, tidak akan terhasil penguasaannya melainkan dengan melalui *talaqqi* dan *periwayatan* pendengaran daripada Rasulullah s.a.w sendiri. Baginda s.a.w sebagaimana maklum, menerima segala wajah-wajah bacaan al-Quran yang *mutawatirah* serta mempraktikkannya seperti mana ianya diajar oleh gurunya sendiri Jibril a.s dan bertepatan dengan wahyu Ilahi yang diturunkan (Ahmad Khalid et al. 2001).

Menurut Dr. Sha'ban Isma'il (1986), apabila qira'at merupakan salah satu cabang daripada al-Quran, maka semestinya ianya daripada Allah s.w.t. dan tidak akan ada sebarang campur tangan. Sekiranya campur tangan berlaku, sudah tentu terbatal kequranan al-Quran dan hilanglah mukjizatnya (Sha'ban 1978). Hasilnya, apabila ketetapan pembacaan qira'at mesti berpandu arahkan kepada wahyu maka wahyulah merupakan satu-satunya sumber sebarang pengambilan *qira'at al-quraniyyah* dan sesiapa sahaja tidak berhak mengubahnya (Muhammad al-Habsh 1999). Antara dalil yang menunjukkan sumber *qira'at al-quraniyyah* adalah wahyu ialah:

a. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Najm, ayat 3 hingga 5:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (٢) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (٤) عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ (٥)

Maksudnya:

Dan tiadalah yang diucapkan itu (al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya, ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya), yang diajarkan kepadanya oleh (Jibril) yang sangat kuat.

Pemahaman petikan ayat di atas menjelaskan, bahawa al-Quran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w bukanlah ucapan yang terbit dari hawa nafsu Baginda sendiri atau rekaannya, bahkan Baginda s.a.w menyampaikan apa yang disuruh oleh Allah Taala secara total tanpa ada tambahan atau sebaliknya (Ibn Kathir t.th).

b. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف فأقرؤوا ما تيسر منه.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, kitab fada'il al-Quran, bab unzil al-Quran 'ala sab'ah ahurf*).

Maksudnya:

Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf maka bacalah kamu apa yang mudah bagi kamu.

Jika diamati, hadith ini menegaskan bahawa qira'at hanya terhasil melalui *talaqqi* dan *periwayatan* dan inilah cara (*talaqqi*) Nabi s.a.w menerima al-Quran yang kemudiannya diwarisi oleh para *qurra'* ('Abd Aziz 1414H). Amat jelas daripada hadith tersebut dan hadith-hadith sahih lain yang menunjukkan bahawa *qira'at al-quraniyyah* semuanya datang dan turun daripada Allah s.w.t. tanpa sebarang keraguan (Muhammad 1994).

c. Ibn al-Jazari (t.th) berpendapat bahawa setiap yang sahih yang datang daripada Nabi s.a.w maka wajib diterima. Dan semuanya diturunkan daripada Allah, kerana umpama antara satu gaya bacaan qira'at dengan gaya bacaan qira'at yang lain samalah seperti satu ayat al-Quran dengan ayat yang lain yang diwajibkan beriman dengannya secara total.

Dalil-dalil di atas jelas menunjukkan bahawa tidak ada alasan untuk mengatakan di sana terdapat sumber lain selain wahyu Ilahi untuk dijadikan sebagai sumber *qira'at al-quraniyyah*. Apa jua keraguan yang timbul sebenarnya berlaku apabila peragunya gagal memahami sumbernya yang jelas akibat terpengaruh dengan idea dan dakwaan songsang yang natijahnya boleh mengundang kecacatan akidah.

#### 4. Ilmu *Qira'at* Sebagai Sumber Ilmu Pengajian Islam

##### 4.1 Sumber ilmu

Di samping tumpuan yang diberikan kepada penguasaan membaca pelbagai gaya bacaan qira'at serta kemahiran dalam menyebutnya, adalah amat perlu diperhatikan dan dibincangkan penggunaan dan pengaruh ilmu tersebut dari perspektif yang lebih luas. Antaranya ialah kesan, kaitan serta sumbangan ilmu qira'at dalam ilmu-ilmu Islam yang lain. Ini adalah kerana di antara tujuan al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t ialah untuk dibaca, diperhatikan dan difahami secara holistik agar al-Quran sentiasa mekar menjadi panduan kepada manusia dalam menjalani hala tuju kehidupan sebagai khalifah Allah s.w.t di bumi.

Jika diperhatikan dan diselidiki, akan didapati wujud perkaitan yang sangat rapat antara ilmu qira'at dengan pelbagai ilmu turath Islam lain. Dalam ilmu aqidah contohnya, bacaan qira'at yang mempunyai beberapa gaya bacaan telah memberikan panduan bagi sebahagian perkara dalam ilmu tersebut. Antaranya ialah, dalam perbincangan *al-ilahiyyah* (ketuhanan), *af'al al-'ibad* (perbuatan hamba), *al-nubuwwah* (kenabian) dan *sam'iyyat* (perkara ghaib yang dikhabarkan melalui wahyu).

Begitu juga perkaitan yang sangat rapat di antara ilmu qira'at dengan ilmu syariat Islam lain apabila kita menelaah kitab-kitab tafsir yang membahaskan atau mentafsirkan tentang ayat-ayat hukum. Antara contoh kitab tersebut ialah *Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Quran* karya al-Imam al-Qurtubi, kitab *Ahkam al-Quran* karya Ibn al-'Arabi, kitab *Ahkam al-Quran* karya al-Jassas al-Hanafi dan kitab *Zad al-Muyassar fi 'Ilm al-Tafsir* karya Ibn al-Jawzi dan lain-lain.

Perbahasan ulama Fiqh terutama dalam proses mengeluarkan hukum fiqh antaranya sangat bergantung dan didasari daripada pelbagai bacaan qira'at yang sahih dan termasuk juga *shadhnya*. Hakikat ini terbukti apabila kita mengamati sebahagian kitab hukum syariat Islam dan kitab usul fiqh seperti kitab fiqh mazhab al-Syafie *Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib, Mafatih al-Usul* dan *Syarah al-Fiqh al-Akbar* karya al-Qari. Bahkan hubungan yang sangat luas di antara kedua-dua kelompok ulama qira'at dan fiqh ini menjadikan mereka dua pasukan yang saling bergandingan melengkapinya di antara satu dengan yang lain dan bukan dua kumpulan yang berselisih dan terpisah.

Para *qurra'* berusaha memelihara ketepatan bacaan qira'at dan menjelaskannya, sementara para fuqaha' pula berusaha mengistinbat dan mengeluarkan hukum yang bertepatan dengan setiap bacaan qira'at tersebut agar dapat dijadikan dalil rujukan dalam hukum syariat Islam serta menjelaskan aturan dari qira'at tersebut yang memberi kesan kepada fiqh. Oleh kerana perbezaan pada bacaan qira'at itu memberikan kesan yang besar terdapat fiqh, mereka berusaha menggalinya, memahaminya serta menerangkannya kepada penuntutnya.

Imam al-Nuwayri menerangkan hubungan yang terbangun diantara kedua ulama fiqh dan qira'at ialah dalam merujuk samaada harus atau tidak sesuatu pandangan dalam qira'at itu diterima atau perlu ditolak. Ia menjadi hak para ulama fiqh dalam mengeluarkan fatwa halal dan haram (al-Nuwayri t.th). Ungkapan Imam al-Nuwayri ini menjadi bukti bahawa seorang ahli fiqh itu berhajat kepada seorang ahli qira'at dan ahli qira'at itu juga berhajat kepada ahli fiqh bagi membantunya *mentaujihkan* bacaan qira'atnya dan menerangkan hukum yang terbina dari perbezaan bacaan qira'at tersebut.

Ahli Bahasa dan juga para *mufassirin* yang menekankan peranan bahasa dalam penafsiran al-Quran amat giat sekali menggunakan peranan pelbagai gaya qira'at dalam karya masing-masing bagi menyerlahkan lagi perbincangan. Lihat sahaja kepada *Jami' al-Bayan, al-Kashshaf, al-Bahr al-Muhit, Kitab Sibawayh, Ma'ani al-Quran* oleh al-Akhfash, *Ma'ani al-Quran wa I'rabuh* oleh al-Zajjaj dan banyak lagi, yang sarat dengan muatan qira'at. Justeru itu, ulama mengatakan, bagi yang menceburi bidang *qira'at quraniyyah*, maka ia jangan lupa untuk turut menguasai ilmu bahasa arab sebaik mungkin.

Apabila memperkatakan *qira'at shadhdhah*, jenis qira'at ini juga memiliki pengaruh dan kepentingannya yang tersendiri dalam pelbagai ilmu Islam. Berkata Abu 'Ubayd al-Qasim ketika menyatakan kepentingan *qira'at shadhdhah* dalam penafsiran al-Quran: "Tujuan *qira'at shadhdhah* ialah untuk mentafsirkan *qira'at mashhurah* dan menjelaskan maknanya. Contohnya bacaan Saiditana 'Aishah dan Hafshah r.a dengan: (حفظوا على الصلوات والصلوة الوسطى صلاة العصر) - surah al-Baqarah ayat 238, dengan menambahkan (صلوة العصر) dan bacaan Ibn Mas'ud r.a (والسارق والسارقة فاقطعوا أيديهما) - surah al-Maidah ayat 38 iaitu dengan menukar kalimah (أيديهما) kepada (أيماخما)". Melalui bacaan Saiditana 'Aishah dan Hafshah r.a tersebut ia menerangkan bahawa maksud sembahyang *wusta* ialah sembahyang asar. Dan manakala dengan bacaan Ibn Mas'ud pula menjelaskan bahawa permulaan hukum potong tangan pencuri yang disabitkan kesalahannya ialah dengan dimulakan memotong tangan kanan.

Berkata Dr Muhammad Salim Bazamul (1996): "Yang jelas pendapat Abu 'Ubayd tersebut adalah merupakan suatu kebenaran yang tidak dapat diubah - InshaAllah - kerana qira'at yang sah *sanadnya* daripada sahabat r.a dan walaupun bersalahan dengan *rasm 'uthmani* paling tidak pun dikira sebagai *khbar ahad* dan sekiranya tidak dikira sebagai salah satu *ahruf al-sab'ah* (أحرف السبعة), maka dikira sebagai penafsiran al-Quran dengan al-Quran ataupun sebagai penafsiran al-Quran dengan kata-kata sahabat".

Shaikh al-Kawthari (salah seorang ulama' mazhab Hanafi) berkata: "Harus di sisi para fuqaha' seluruh pelusuk negeri daripada ahli *al-athar* dan *al-ra'yi* menggunakan *shadh* untuk memperjelaskan makna-makna al-Quran" (Muhammad Salim 1996). Hal ini juga amat jelas kalau diperhatikan hubungan antara *shadh* dan penafsiran al-Quran dalam rujukan buku-buku fekah yang penuh dengan berbagai contoh *qira'at shadhdhah* yang dipakai oleh fuqaha' yang mana mereka mengirannya sebagai penafsiran kepada *qira'at sahihah* atau sebagai *akhbar*.

Semakin jelas kepada kita, bahawa segala perhatian para *mufassirin* tersebut terhadap peranan qira'at secara umumnya dan *shadh* secara khususnya membuktikan dan menggambarkan bahawa sememangnya *qira'at shadhdhah* mempunyai hubungan dan pengaruh yang sangat istimewa dalam bidang penafsiran al-Quran dan terhadap pelbagai ilmu lain.

## 4.2 Realiti Perbezaan Pelbagai Gaya Qira'at

Wajib diyakini bahawa pelbagai gaya bacaan al-Quran bukan membawa kepada kepelbagaian yang bercanggah dan berlawanan, bahkan ia suatu keistimewaan bagi Kalam Allah Taala dalam surah al-Nisa' ayat 82, firmanNya:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Maksudnya:

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

Menurut Imam Ibn al-Jazari (t.th), khilaf qira'at adalah khilaf yang menunjukan kepada kepelbagaian jenis dan bentuk, bukan perlawanan dan percanggahan, kerana ia suatu perkara yang mustahil. Perbezaan qira'at tidak terkeluar daripada 3 perkara berikut (contoh-contohnya akan dibincang pada bahagiannya nanti):

- i. Lafaz berbeza namun makna tetap sama (sebagaimana khilaf dalam bab *usul*).
- ii. Lafaz dan maknanya berbeza, namun kedua-duanya boleh disatukan/dipertemukan dan ianya tidak berlawanan/bercanggah antara satu dengan yang lain.
- iii. Lafaz dan makna berbeza serta tidak boleh disatukan, namun kedua-duanya boleh disatukan dari sudut yang lain serta tidak bercanggah (Muhammad Salim 1996).

Begitulah penegasan yang sama yang terbit daripada Imam Abu 'Amru al-Dani sebelum Ibn al-Jazari lagi, Imam Ibn Taimiyah, Imam al-Zarkashi, Imam Ibn Hajar al-'Asqalani, Imam al-Sayuti, Sheikh al-Zarqani, ulama salaf dan khalaf, kumpulan ahli kalam dan *qurra'* dan ramai lagi yang menyatakan bahawa khilaf *ahruf sab'ah* bukan khilaf yang bercanggah. Bahkan kepelbagaian ini perlu diimani dan dipercayai sebagaimana kita beriman dengan ayat-ayat al-Quran (Muhammad Salim 1996).

Manakala *qira'at shadhdhah* pula ia diterima dari sudut peranannya sebagai pentafsir dan penguat kepada *qira'at mutawatirah*. Realiti ini jelas kenyataannya apabila dilihat kepada reaksi dan praktikal pengamalan ulama dalam pelbagai bidang pengajian Islam.

## 5. Praktikal Pengaruh Qira'at dalam Pelbagai Ilmu

### 5.1 Qira'at dan tafsir

Menurut Sheikh Muhammad Amin al-Shanqiti (t.th), berdasarkan permuafakatan ulama, pentafsiran al-Quran dengan *al-qira'at al-quraniyyah* adalah merupakan pentafsiran al-Quran dengan al-Quran yang dikira sebagai semulia-mulia dan sebaik-baik jenis tafsir. Kerana tidak ada yang lebih mengetahui Kalam Allah berbanding dengan Allah SWT. Lihat berikut (Muhammad al-Habsh 1999):

- a. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 10:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

Pada kalimah *يَكْذِبُونَ*: Imam Abu Ja'far, Nafi', Abu 'Amru, Ibn Kathir, Ibn 'Amir dan Ya'qub membaca dengan: huruf *ya'* berbaris di hadapan, *kaf* baris atas dan *sabdu* huruf *dhal*. Manakala Imam 'Asim, Hamzah, al-Kisa'iy dan Khalaf dengan: huruf *ya'* berbaris atas, *kaf* mati dan *takhfif dhal*.

Qira'at pertama bermaksud: mereka golongan munafik berhak mendapat azab pedih dengan sebab pendustaan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. Manakala maksud qira'at kedua pula ialah: mereka berhak mendapat azab kerana Islam dan iman mereka hanyalah secara zahir sahaja sedangkan batin/dalaman mereka adalah kufur.

Hasilnya, jelas kepada sesiapa yang meneliti kedua-dua gaya bacaan tersebut akan memahami bahawa kedua-duanya meluaskan makna penafsiran ayat yang sekaligus mendedahkan pelbagai sifat keji golongan munafik. Hasilnya terserlah kepada kita melalui contoh ini bahawa pengaruh qira'at kepada ilmu tafsir amat berperanan sekali.

b. Pengaruh qira'at dalam menghilangkan keraguan yang bukan dimaksudkan dalam ayat. Firman Allah SWT dalam surah al-Jumu'ah, ayat 9:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu).

Terdapat bacaan *shadh* dengan: (فامضوا إلى ذكر الله) yang dibaca oleh Saydina 'Umar bin al-Khattab, 'Ali, Ubay bin Ka'b, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas dan Ibn Zubayr yang memberi maksud: "berjalan dengan penuh hati-hati". Bacaan *qira'at sahihah* dibimbangi akan membawa kepada salah faham maksud ayat dengan maksud: "langkah yang cepat" dalam keadaan tergepoh-gepoh untuk menunaikan solat Jumaat. Namun dengan peranan penafsiran yang terhasil daripada *qira'at shadhdhah* dapat dilihat dengan jelas ia memberi 'bantuan' dan sumbang saran yang amat bermakna ke arah memahami ayat-ayat al-Quran dengan sebaik mungkin.

## 5.2 Qira'at dan akidah

a. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 51:

وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya:

Dan (kenangkanlah) ketika Kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya) sesudah ia bersiap selama empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim (terhadap diri sendiri).

Pada kalimah yang bergaris, Imam Abu 'Amru, Ya'qub dan Abu Ja'far membacanya tanpa *alif*. Manakala baki *qurra'* lain membacanya dengan huruf *alif*. Cara bacaan dan khilaf yang sama juga berlaku pada ayat 151 surah al-A'raf dan ayat 82 surah Taha.

Hujah bacaan pertama (tanpa *alif*) ialah: memberi maksud bahawa keterikatan sesuatu perjanjian antara pihak yang pertama dan kedua hanyalah berlaku di antara manusia sahaja. Manakala bagi Allah ia tidak terikat dengan mana-mana kuasa sekalipun. Ia bebas menentukan dalam hal-hal janji baik mahu pun dalam hal-hal janji buruk (*al-wa'd wa al-wa'id*). Buktinya lihat firman-Nya dalam surah Ibrahim, ayat 22:

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعَدَ الْحَقَّ وَوَعَدْتُمْ فَأَخْلَفْتُمْ وَمَا كَانَ لِي عَلَيْكُمْ مِنْ سُلْطَانٍ إِلَّا أَنْ دَعَوْتُكُمْ فَاسْتَجَبْتُمْ لِي فَلَا تَلْمُزُونِي وَلَوْ مَوْأ أَنفُسِكُمْ مَا أَنَا بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنْتُمْ بِمُصْرِخِيَّ إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِنْ قَبْلُ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Dan berkatalah pula Syaitan setelah selesai perkara itu: Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkir janji itu kepada kamu dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan daku

tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan daku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur ingkarkan (perintah Tuhan) yang kamu sekutukan daku denganNya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu pada bukan tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

Manakala hujah bacaan jumbuh *qurra'* (dengan *alif*) pula ialah: dengan menyatakan bahawa janji di dalam ayat tersebut berlaku antara Allah Taala dengan Nabi Musa a.s. Allah Taala menyatakan bahawa Ia berjanji akan berjumpa dengan Musa a.s yang di kala itu Allah Taala akan berinteraksi dengannya dan memuliakannya hasil munajat Nabi Musa a.s. Manakala bagi pihak Nabi Musa a.s pula ialah baginda berjanji akan datang ke Bukit Tur sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah Taala.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa alif di sini bukan bermaksud saling berjanji (*mufa'alah*), bahkan ia hanyalah janji dari Allah Taala sahaja.

Jika diamati pada bacaan jumbuh *qurra'*, ia merupakan suatu dalil yang menunjukkan bahawa harus dinisbahkan sesetengah *af'al* kepada hamba secara *majaz* yang walaupun sebenarnya segala *af'al* hamba adalah datang daripada Allah Taala sahaja. Perlu diingat, bahawa *i'tiqad* sebenar dalam hal ini ialah keyakinan kita bahawa yang menjadikan/mencipta segala *af'al* hamba ialah Allah Taala sahaja. Namun dalam konteks ayat yang dibincangkan ini, ia adalah suatu keizinan daripada Allah Taala untuk menisbahkan sesetengah *af'al* kepada hamba. Firman Allah Taala dalam surah al-Saffat, ayat 96:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya:

Padahal Allah Yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!

Dalam ayat ini ada *hakikat* dan *majaz*, di mana Allah Taala menisbahkan perbuatan kepada hamba secara *majaz* sedangkan realitinya Ia Yang menciptanya. Inilah pegangan ahli Sunnah wa al-Jama'ah yang sekaligus menolak dakwaan kumpulan Qadariyyah dan Jabariyyah.

b. Firman Allah Taala dalam surah al-Mumtahanah, ayat 3:

لَنْ نَنْفَعَكُمْ أَرْحَامَكُمْ وَلَا أَوْلَادَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَفْصَلُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Kaum kerabat kamu dan anak-anak kamu (yang tidak menurut kamu beriman) tidak sekali-kali akan mendatangkan sebarang faedah kepada kamu pada hari kiamat; Allah akan memisahkan di antara kamu semua (pada hari itu) dan (ingatlah), Allah Maha melihat segala yang kamu kerjakan.

Perkataan bergaris dibaca oleh Ibn 'Amir dengan: "*yufassilu*". 'Asim dan Ya'qub membaca dengan: "*yafsilu*". Manakala baki *qurra'* lain dengan: "*yufassalu*". Realiti khilaf bacaan di sini sebenarnya tidak menunjukkan kepada makna-makna yang saling bercanggah, bahkan semuanya menunjukkan kepada sesetengah keadaan yang akan berlaku pada hari kiamat nanti sebagaimana yang telah disifatkan pada banyak ayat-ayat al-Quran lain dan juga hadith nabawi.

Bacaan jumbuh *qurra'* memberi maksud: bahawa Allah Taala memberitahu Ia akan memisahkan antara hamba-hamba di akhirat nanti. Maka hamba yang taat akan ke syurga dan akan hamba yang bermaksiat akan ke neraka. Maksud bacaan 'Asim dan Ya'qub pula menyatakan: bahawa Allah akan menghukumkan/membalas semua hamba pada hari akhirat. Manakala maksud bacaan Ibn 'Amir: hamba-hamba akan dibeza-bezakan di hari akhirat nanti. Maksud bacaan ini menurut ulama adalah salah satu jenis penakutan dan ancaman buruk daripada Allah Taala terhadap hamba-hamba yang bermaksiat.

### 5.3 Qira'at dan fiqh

Imam Ibn al-Jazari menjelaskan hubungan qira'at dengan sebahagian hukum yang terbit daripada *ikhtilaf* qira'at, antaranya adalah untuk menjelaskan hukum yang disepakati, *mentarjihkan* hukum yang diperselisihkan, menghimpunkan dua hukum yang berselisih, membawa dua hukum syarak, dan menjelaskan hukum yang secara zahirnya khilaf dan lain-lain. Bagi memperjelaskan bahagian ini lihat:

a. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 222:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا  
لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci...

Ayat di atas pada perkataan: (يطهرن) mempunyai dua gaya bacaan iaitu dengan *takhfif* dan *tashdid*. Bacaan pertama dengan *tashdid* yang membawa maksud: mandi, manakala bacaan kedua dengan *takhfif* yang membawa maksud: terputus darah. Imam al-Nasafi menyatakan bahawa kedua-dua gaya qira'at ini diamalkan, iaitu boleh menghampiri (*jima'*) isteri yang sudah terputus darah haid sekiranya si isteri berada di hujung hari-hari haid walaupun si isteri belum mandi iaitu beramal dengan qira'at *takhfif*.

Manakala Qira'at *tashdid* pula membawa maksud boleh menghampiri (*jima'*) isteri yang terputus darah dengan syarat si isteri perlulah mandi terlebih dahulu atau berlalu baginya satu waktu solat sekiranya si isteri terputus darahnya di awal hari-hari haid. Imam al-Nasafi juga turut menyatakan bahawa Imam Shafe'i berpandangan tidak boleh menghampiri isteri kecuali ia telah suci, iaitu dengan mandi.

Menurut mazhab Hanafi, suami boleh berjima' dengan isterinya apabila si isteri terputus darah sebelum mandi tetapi bergantung kepada dua syarat. Pertama si isteri melepasi hari terbanyak bagi orang yang haid iaitu sepuluh hari, kedua sekiranya darah terputus sebelum melepasi sepuluh hari tidak boleh berjima' kecuali selepas mandi atau berlalunya satu waktu solat tanpa keluar darah.

b. Firman Allah Taala dalam surah al-Mai'dah, ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegahan dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Semua *qurra'* Sepuluh membaca ayat tersebut seperti mana teks ayat di atas. Manakala diriwayatkan pula bahawa Ibn Mas'ud r.a membaca dengan: (والسارقون والسارقات فاقطعوا أيديهم). Melalui bacaan qira'at pertama (*qurra'* sepuluh) memberi maksud: Bahawa tiada penentuan yang jelas tangan yang mana hendak dipotong bagi pencuri yang disabitkan kesalahan. Bahkan diperintahkan secara *itlaq* dengan menyebut perkataan tangan sahaja. Manakala dengan melalui qira'at kedua (*shadh* Ibn Mas'ud): jelas menyatakan bahawa tangan yang hendak dipotong ialah tangan kanan.

Hukum yang diguna pakai melalui qira'at ini telah dihukumkan sebagai sah di sisi ulama. Menurut Ibn Hazm: ulama bersepakat mengatakan bahawa sesiapa yang mencuri, maka dipotong tangan kanannya dan sesungguhnya telah dijalankan hukum hudud terhadapnya.

Pendapat tersebut juga disokong oleh Ibn Qudamah yang turut berdalilkan qira'at Ibn Mas'ud dan disokong dengan periwayatan daripada Abu Bakr al-Siddiq yang menyatakan bahawa dimulai memotong tangan kanan pencuri.

#### 5.4 Qira'at dan *rasm al-Quran*

a. Perhatikan ayat 133 surah Al 'Imran:

﴿وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ﴾



Perkataan bergaris ditulis dalam mushaf penduduk Madinah dan Sham tanpa huruf waw. Manakala dalam semua mushaf lain ditulis dengan huruf waw. Dalam qira'at, Imam Nafi', Ibn 'Amir dan Abu Ja'far membaca perkataan tersebut: tanpa huruf waw sebagai *isti'naf* (permulaan bicara). Gaya bacaan ini bertepatan dengan kaedah penulisan yang diamalkan oleh dalam mushaf Madinah da Sham tadi. Manakala qurra' lain pula membaca kalimah yang sama dengan: menambah huruf waw di awalnya sebagai *'atf* kepada ayat sebelum: Dan gaya bacaan ini adalah bertepatan dengan cara penulisan yang terdapat dalam mushaf lain.

Hasilnya dapat dilihat bagaimana hubungan antara qira'at dengan rasm al-Quran yang amat rapat melalui praktikal penulisan kalimah tersebut dengan 2 cara yang berbeza dalam mushaf yang berbeza. Cara tersebut dipraktikan agar ianya bertepatan dengan gaya bacaan qira'at yang diamalkan. Jika ditulis dengan satu cara sahaja maka sudah tentu ia akan menghilangkan satu qira'at lagi.

b. Surah al-Taubah ayat 17:

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ بِالْكَفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ<sup>١٧</sup>

Kalimah bergaris cara penulisan dalam Ilmu Rasm dibuang huruf alifnya di sisi Abu 'Amru al-Dani dan Abu Daud.

Ia juga ada dua gaya bacaan: (1) Di baca dengan mufrad tanpa alif oleh, Abu 'Amru, Ya'qub dan Ibn Kathir (مسجد). (2) Manakala baki qurra' lain dengan bacaan *jam* dengan alif. Apabila dilihat kepada makna kedua-dua gaya bacaan di atas, maka: Makna bacaan pertama: Yang dikehendaki dengan masjid dalam ayat di atas ialah Masjid al-Haram sahaja. Buktinya, firman Allah Taala selepasnya, iaitu ayat 18 daripada surah al-Taubah:

ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا

Maksudnya:

Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haram sesudah tahun ini.

Manakala makna bacaan kedua ada dua maksud:

- i. Masjid yang dimaksudkan ialah semua masjid termasuk Masjid al-Haram.
- ii. Masjid al-Haram sahaja. Digunakan kalimah *jam* adalah kerana untuk menyatakan bahawa setiap sudut/tempat kawasanya adalah masjid. Atau pun untuk menyatakan bahawa Masjid al-Haram adalah qiblah bagi semua masjid yang terdapat di atas muka bumi Allah Taala.

Kaedah penulisan ini dikenali dengan *hadhf isharah*, iaitu untuk menunjukkan kepada qira'at yang membuang huruf *alif*. Jika ia ditulis mengikut cara biasa maka hanya ada bacaan dengan huruf sahaja dan qira'at lain akan lenyap.

## 5.5 Qira'at dan bahasa Arab

Lihat firman Allah Taala dalam surah al-A'raf ayat 26:

يٰٓبَنِيٓ آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوَءَاتِكُمْ وَرِيثًا وَلِبَاسٍ أَلْتَقَوٰى ذَٰلِكَ خَيْرٌ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ

Maksudnya:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah Yang sebaik-baiknya.

Perkataan bergaris dibaca oleh Nafi', Ibn 'Amir, al-Kisa'iyy dan Abu Ja'far dengan huruf *sin* berbaris atas (*nasb*). Manakala *qurra'* lain dengan *sin* berbaris hadapan (*raf'*). Bacaan *nasb* adalah '*atf* kepada: Manakala bacaan *raf'* adalah kerana adalah *mubtada'* dan adalah *mudaf ilaih*. Manakala *pula* adalah *mubtada' thani* dan adalah *khabarnya*. Perhatikan pengaruh qira'at pada bahasa dan sekaligus pertautan antara kedua-duanya.

### 5.6 Qira'at dan ilmu *waqf* dan *ibtida'*

Lihat ayat 152 dalam surah al-An'am:

لَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ذَٰلِكُمْ وَصَلِّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga dia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri) dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu) dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya).

Perkataan bergaris dibaca oleh Hamzah dan al-Kisa'iyy dengan: huruf hamzah berbaris bawah dan *nun* bersabdu. Ibn 'Amir dan Ya'qub pula membacanya dengan: huruf hamzah berbaris atas dan *takfif* huruf *nun*. Manakala *qurra'* lain dengan: hamzah berbaris atas dan *nun* bersabdu. Melihat kepada khilaf qira'at yang ada maka ulama' *waqf* dan *ibtida'* mengatakan bahawa dengan bacaan Imam Hamzah dan al-Kisa'iyy harus *ibtida'* dengannya kerana ianya jumlah *musta'nafah* manakala bacaan *qurra'* lain tidak harus dimulakan dengannya kerana ia masih ada 'ikatan' dengan sebelumnya.

### 5.7 Qira'at dan *i'jaz* al-Quran

a. Lihat ayat 21 dan 22 surah al-Buruj:

بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ نَّجِيدٌ « فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ »

Maksudnya:

(Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah Al-Quran yang tertinggi kemuliaannya, (lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Lauh Mahfuz.

Perkataan bergaris dibaca dengan baris di hadapan oleh Imam Nafi' dan manakala *qurra'* lain dengan baris bawah. Terserlah *i'jaznya*: Bacaan majoriti *qurra'* dengan baris bawah kerana ia menjadi sifat bagi *Lauh* yang ditegaskan bahawa al-Quran di dalamnya dijaga. Al-Quran terkawal daripada diubah atau ditukar atau ianya terkawal daripada capaian syaitan. Manakala bacaan dengan baris hadapan adalah kerana ia menjadi sifat kepada al-Quran, iaitu al-Quran yang terjaga di Lauh Mahfuz dan al-Quran yang tertinggi kemuliaannya.

Kesimpulannya: Lauh Mahfuz sememangnya terjaga dan begitulah al-Quran yang terjaga daripada apa jua ancaman. Maka kedua-dua qira'at saling melengkapi makna masing-masing. Jika Lauh Mahfuz dijaga maka begitulah juga al-Quran turut dijaga. Dengan kata lain kedua-dua qira'at saling bersatu dan makna kedua-

duanya saling membantu.

b. Lihat surah al-An'am ayat 125:

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ۗ

Maksudnya:

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya).

Perkataan bergaris dibaca oleh:

- i. Ibn Kathir dengan huruf *sod* sukun dan 'ain tanpa shaddah dan *alif*, sebagai *fi'l mudari* yang bererti: tinggi. Maksud qiraat ini, Allah umpamakan orang-orang kafir yang tidak menerima keimanan seperti suatu bebanan yang sangat berat dan mereka tidak berkemampuan seolah-oleh mereka mendaki ke langit tanpa beroksigen dan dalam keadaan sukar hendak bernafas.
- ii. Bacaan Shu'bah dengan tahsidi *sod* dan selepasnya ada *alif* dan 'ain tanpa tashdid. Manakala maknanya sama dengan bacaan Ibn Kathir di atas.
- iii. Manakala bacaan qurra' lain dengan *sod* berbaris atas dan tashdid serta tanpa huruf *alif* dan 'ain bertashdid. Makna qira'at ini: orang kafir tidak dapat menerima iman seolah-olah mereka mendaki ke langit secara beransur-ansur dan dada mereka terasa sempit kerana tidak dapat bernafas. Semakin tinggi pendakian, semakin sempit dada mereka.

Bacaan 1 dan 2 bermaksud: pendakian dan naik ke angkasa lepas hanya pada kadar ketinggian tertentu sahaja. Manakala maksud qira'at terakhir: pendakian yang berterusan tanpa ada kadar ketinggian yang ditentukan.

## 6. Kesimpulan

Pengaruh ilmu qira'at dalam pelbagai ilmu lain amat terserlah dan menarik jika diselidiki dengan sebaiknya. Ilmu yang bersumberkan wahyu Ilahi ini, begitu mendapat tempat di kalangan ulama yang samaada mereka yang berkecimpung dalam bidang ilmu qira'at secara langsung atau tidak. Para mufassirin, fuqaha', ahli bahasa, *qurra'* sendiri dan lain-lain amat memberi penekanan kepada peranan kepelbagaian gaya qira'at apabila mereka membicarakan bidang ilmu-ilmu tersebut. Kajian tentang *qira'at quraniyyah* masih terbentang luas yang amat memerlukan kepada komitmen pengkajinya agar ianya diketengahkan ke kancang pengajian Islam dengan lebih rancak lagi. Walaupun contoh-contoh pengaruh ilmu qira'at yang dibicarakan dalam perspektif ilmu yang berbeza dalam kertas ini tidak banyak, namun diharapkan ia boleh memberi faham kepada masyarakat.

## Rujukan

Al-Quran

'Abd al-'Aziz b. 'Abd al-Fattah al-Qari'. 1414H. *Sunan al-Qurra' wa Manahij al-Mujawwidin*. al-Madinah al-Munawwarh: Maktabah al-Dar.

'Abd al-Fattah al-Qadi. 2004/1424H. *al-Budur al-Zahirah*. al-Qaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah.

'Abd al-Karim Ibrahim Solah. 2007. *al-I'jaz fi Tanawwu' Wujuh al-Qir'aat*. Dar al-Muharamin: al-Suwais.

'Abd al-Salam Muqbil al-Majidi. 2000/1421H. *Talaqqi al-Nabi Alfaz al-Quran al-Karim*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Abu 'Abd Allah Muhammad b. Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi. 1997/1417H. *Sahih al-Bukhari*. al-Qaherah: Dar al-Salam.

Abu al-Fida' Isma'il b. Kathir al-Qurashi al-Dimashqi. t.th. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jil. 4. Kaherah:

Maktabah Dar al-Turath.

- Ahmad Khalid Shukri, Ahmad Muhammad Muflih al-Qudah & Muhammad Khalid Mansur. 2001/1422H. *Muqaddimat fi 'Ilm al-Qira'at*. 'Amman: Dar 'Ammar.
- Al-Ashmuni, 'Abd al-Karim. t.th. *Manar al-Huda*. al-Qaherah: Matba'ah al-Babiyy al-Halabi.
- Ibn al-Jazari, Al-Hafiz Abu al-Khayr Muhammad b. Muhammad al-Dimashqi. t.th. *al-Nashr fi al-Qira'at al-Ashr*. Jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Yusuf. t.th. *Munjid al-Muqri'in*. al-Qaherah, Dar al-Sha'b.
- Ibn Taymiyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim al-Harrani. t.th. *Majmu' al-Fatawa*. Syria: Matba'ah al-Risalah.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. 1985/1405H. *al-Mu'jam al-Wasit*. al-Qaherah.
- Muhammad al-Habsh. 1999/1419H. *al-Qira'at al-Mutawatirah*. Damshik: Dar al-Fikr.
- Muhammad Muhammad Muhammad Salim Muhaysin. 1994/1415H. *al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qira'at bi al-Rasm al-'Uthmani*. Riyad: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.
- Muhammad Salim Muhaysin. 1989. *al-Qira'at wa Atharuha di al-'Arabiyyah*. al-Qaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Muhammad b. 'Umar b. Salim Bazamul. 1996/1417H. *al-Qira'at wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*. al-Riyad: Dar al-Hijrah.
- Naif Munir Faris. 2006. *al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Quran wa al-Sunnah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- I-Nuwayri, Abu Al-Qasim. t.th. *Sharh al-Nuwayri*. al-Qaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad. 1999. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Sayuti, Jalal al-din 'Abd al-Rahman. t.th. *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. al-Qaherah: Dar al-Turath.
- Sha'ban Isma'il. 1986/1406H. *al-Qira'at Ahkamuha wa Masdaruha*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Sha'ban Isma'il. 1978/1398H. *Ma' al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Ittihad al-'Arabi li al-Tiba'ah.
- al-Shanqitiyy, Muhammad Amin. t.th. *Adwa' al-Bayan*. al-Riyad: Dar al-Hijrah.
- Sobri 'Abd al-Rauf. 2002. *al-Qira'at wa Athruha fi al-Fiqh al-Islami*. 'Amman: Adwa' al-Bayan.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah. t.th. *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut: Dar al-Ma'ruf